

02/08/1998

Salah Singapura: PM (HL)

Radzi Wahab

SEPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebarang kekeruhan hubungan dengan Singapura berikutan isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar Malaysia, adalah disebabkan oleh republik itu dan bukannya Malaysia.

Menegaskan Malaysia tidak pernah berhasrat untuk bersengketa dengan Singapura, Perdana Menteri berkata, adalah wajar republik itu mengambil daya usaha menyelesaikan isu berkenaan kerana mereka yang memulakan perbalahan itu.

"Inisiatif itu terletak kepada mereka. Mereka yang memulakan perkara ini, bukan kita. Kita tidak berhasrat untuk berbalah dengan Singapura.

"Oleh itu, jika wujud sebarang kekeruhan hubungan di antara kedua-dua negara, ia adalah berpunca daripada sikap Singapura dan bukan Malaysia," katanya dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam, sekembalinya daripada lawatan seminggu ke tiga negara Afrika.

Ketibaan beliau disambut oleh timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri Kabinet, termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Perdana Menteri juga tidak menolak kemungkinan tindakan Singapura itu adalah satu strategi negara berkenaan untuk memaksa Malaysia tunduk kepada kehendaknya.

Beliau bagaimanapun memerlukan sedikit masa lagi untuk memikirkan apa yang perlu dilakukan kerana baru diberitahu perkembangan terkini mengenai perbalahan itu.

"Saya tidak pasti Singapura boleh memaksa Malaysia atau tidak. Tetapi yang pasti, ketika kita sedang menghadapi masalah dengan ekonomi, masalah seperti ini memang tidak dialu-alukan. Saya tidak tahu kenapa mereka memilih masa ini untuk melakukan perkara ini. Mungkin bagi mereka, ini satu strategi," katanya.

Malaysia dan Singapura kini menghadapi kebuntuan berikutan keputusan republik itu untuk memindahkan pusat KIK dari stesen Tanjong Pagar yang dimiliki Keretapi Tanah Melayu di selatan Singapura ke Woodlands di bahagian utara pulau itu, berhampiran dengan sempadan Malaysia, mulai hari ini.

Singapura mahu imigresen Malaysia turut berpindah ke Woodlands dan mengingatkan bahawa jika ia terus beroperasi dari Tanjong Pagar, penumpang kereta api dijangka menghadapi masalah manakala pegawai imigresen Malaysia akan dianggap bertindak tanpa kuasa undang-undang.

Bagaimanapun, Malaysia tetap bertegas tidak akan berpindah ke Woodlands dan Wisma Putra, kelmarin mendedahkan tindakan Singapura itu bertujuan mahu memindahkan pusat KIK keluar dari sempadan negara itu.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini, Malaysia dan Singapura mempunyai hubungan baik sebelum negara itu secara tiba-tiba mengambil keputusan untuk tidak membenarkan pusat KIK berada di republik itu.

Kepada soalan apa yang akan terjadi kepada pusat KIK jika kedua-dua negara bertegas tidak akan berganjak daripada keputusan masing-masing, beliau berkata: "Bagi kita, pusat itu tetap akan berfungsi seperti biasa."

Dr Mahathir yang turut memberitahu belum menerima sebarang laporan terbaru mengenai perkara itu berkata beliau akan melihat dahulu sama ada perkembangan terkini itu bakal mendatangkan kesulitan kepada penumpang

kereta api.

(END)